

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Anda diingatkan untuk membaca helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Kutipan Bil keluar Lansung. Anda dengan ini diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank (M) Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank (M) Berhad Kutipan Bil Keluar Langsung Tarikh: 30 November 2023</p>												
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?</p> <p>Kutipan Bil Keluar Langsung (“DOBC”) adalah Kutipan Bil Keluar (“OBC”) tetapi perbezaan utama berbanding OBC ialah untuk DOBC, Penjual bukannya memajukan arahan kutipan dan dokumen kepada Bank untuk diproses tetapi Penjual sendiri yang menyediakan dan menghantar dokumen DOBC menggunakan jadual arahan kutipan yang disediakan oleh Bank secara terus ke Bank Pemunggut untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • memperoleh bayaran dan/atau penerimaan, atau • menghantar dokumen atas pembayaran dan/atau penerimaan, atau • menghantar dokumen atas terma dan syarat yang lain. 													
<p>2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di Bank, DOBC tersedia untuk Penjual/Pengeksport mengikut ciri-ciri yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Pihak yang terlibat dalam DOBC <table border="1" data-bbox="227 953 1159 1276"> <thead> <tr> <th>Pihak</th> <th>Istilah yang digunakan dalam Kutipan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penjual/Pengeksport</td> <td>Prinsipal/ Penyuruh Bayar</td> </tr> <tr> <td>Bank Penjual</td> <td>Bank Pengirim Wang</td> </tr> <tr> <td>Bank di negara Pembeli</td> <td>Pemungutan*</td> </tr> <tr> <td>Bank Pembeli</td> <td>Bank Penyerah*</td> </tr> <tr> <td>Pembeli/Pengimport</td> <td>Yang Disuruh Bayar</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Boleh pihak yang sama</i></p> b. Mata Wang: Ringgit Malaysia (“RM”)/Mata Wang Asing (“FCY”) c. Jenis: Dokumen atas Pembayaran (“D/P”), Dokumen atas Penerimaan (“D/A”) d. Skop: Domestik/Antarabangsa e. Tertakluk pada Peraturan Seragam untuk Kutipan yang diguna pakai, No. Penerbitan ICC 522 (URC 522). • Anda boleh memohon Bank untuk memberikan kepada anda templat jadual arahan kutipan untuk anda menetapkan arahan kutipan anda di dalamnya dan menggunakan jadual arahan kutipan tersebut bagi mengiringi dokumen pengiriman yang anda bakal hantar atau kirim terus kepada Bank Pembeli. Anda boleh menjimatkan masa dengan menghantar atau mengirim dokumen pengiriman terus kepada Bank Pembeli anda. • Had kemudahan tidak diperlukan bagi DOBC. • Boleh mengaturkan pembiayaan di bawah Pembelian Bil Keluar Langsung, Pembiayaan Invois atau Penerimaan Jurubank tertakluk kepada kemudahan pembiayaan yang anda ada di Bank. 		Pihak	Istilah yang digunakan dalam Kutipan	Penjual/Pengeksport	Prinsipal/ Penyuruh Bayar	Bank Penjual	Bank Pengirim Wang	Bank di negara Pembeli	Pemungutan*	Bank Pembeli	Bank Penyerah*	Pembeli/Pengimport	Yang Disuruh Bayar
Pihak	Istilah yang digunakan dalam Kutipan												
Penjual/Pengeksport	Prinsipal/ Penyuruh Bayar												
Bank Penjual	Bank Pengirim Wang												
Bank di negara Pembeli	Pemungutan*												
Bank Pembeli	Bank Penyerah*												
Pembeli/Pengimport	Yang Disuruh Bayar												

3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?

- Memberi kebenaran berserta salinan jadual arahan kutipan dan dokumen pengiriman yang anda telah hantar atau kirim terus kepada Bank Pembeli untuk membolehkan Bank membuat susulan dengan sewajarnya.
- Memastikan untuk mengirim dokumen pengiriman yang diperlukan terus kepada Bank Pembeli.
- Memastikan dana akaun anda mencukupi dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun anda di Bank bagi sebarang caj, komisen, yuran, belanja tunai langsung Bank berhubung dengan pengendalian bil Kutipan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Yuran dan Caj	Tarif
1	Komisen	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM30 (Bil FCY); RM50 (Bil RM) Maksimum: RM80 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
2	Yuran pengendalian untuk pelepasan dokumen tanpa bayaran	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
3	Yuran pengendalian untuk dokumen yang dipulangkan selepas proses Kutipan	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
4	Yuran pengendalian tidak bayar dan tidak terima > 60 hari	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
5	Bayaran pemindahan (IBG/RENTAS)	RM2 sahaja
6	Bayaran Pos	Dalam Malaysia: RM5 Di Luar Malaysia: RM20
7	Perkhidmatan kurier	Dalam Malaysia: RM15 Di Luar Malaysia: Tertakluk pada destinasi

Yuran atau caj yang disebut harga adalah tidak termasuk mana-mana cukai kerajaan yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Sekiranya kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas yuran atau caj disebabkan oleh pindaan undang-undang atau apa-apa faktor yang lain, Bank berhak mengubah atau menyemak semula jumlah wang yang perlu dibayar.

5. Bagaimanakah jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Serupa dengan OBC, anda mungkin tidak dapat memperoleh bayaran atau penerimaan daripada Pembeli.
- Bank boleh menggunakan haknya dan memulakan proses pemungutan/tindakan undang-undang yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, prosiding kemuflihan/penggulungan (jika jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Akibat diisytiharkan mufliis/dikenakan penggulungan mungkin menyebabkan aset anda dibekukan dan disita.

6. Bagaimana jika saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Tidak berkenaan.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

Ya, sekiranya perlindungan insurans tersebut merupakan tanggungjawab anda seperti mana terma yang anda telah persetujui dengan Pembeli anda.

8. Apakah risiko utama?

- Sebagai Penjual, anda mungkin menghadapi risiko tidak dibayar/tidak diterima oleh Pembeli anda dan mungkin terpaksa menarik balik barangan anda atau mencari Pembeli baharu.
- Naik turun kadar pertukaran asing.
- Bank tidak bertanggungjawab untuk menyemak dokumen anda.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Tidak berkenaan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi/memberi maklumat secara bertulis kepada Pengurus Perhubungan masing-masing.

11. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Contact Centre
No. Kotak Pejabat Pos 12617, 50784 Kuala Lumpur,
Tel.: (603) 2178 8888
E-mel: customercare@ambankgroup.com

- Sekiranya anda tidak berpuas hati terhadap penyelesaian ke atas pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK melalui:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my

12. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran lanjut tentang manfaat, yuran dan caj, anda boleh melayari www.ambankgroup.com.

13. Lain-lain produk perdagangan yang tersedia: -

- Jaminan Bank
- Surat Kredit
- Penerimaan Jurubank
- Pembelian Bil Keluar Lansung
- Kutipan/Pembelian/Rundingan Berdokumen
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Pembiayaan Invois
- Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing
- Pendahuluan Kredit Pembungkusan
- Resit Amanah Ringgit
- Jaminan Perkapalan
- Surat Kredit Tunggu Sedia

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN AKAN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah dari 31 Mei 2023 sehingga kemas kini yang seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Semua pengiraan dan kadar di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Penafian: Amaun kemudahan sebenar yang akan disediakan oleh AmBank (M) Berhad adalah bergantung kepada penilaian kredit anda oleh Bank. Penyampaian helaian pendedahan produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh Bank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya/ Kami mengakui bahawa terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah daripada AmBank (M) Berhad.

.....
Nama:

Nombor KP:

Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak

No. Pendaftaran:

.....
(Penandatanganan dibenarkan/Pengarah)

Tarikh: